



**NOTIS SEBUT HARGA
PERBADANAN PUTRAJAYA**

No. Sebut Harga : **PPj/SH(S)/JR/67/2024**

Tajuk Sebut Harga:

**KERJA-KERJA MEMBINA SEBUAH KOLAM TERAPUNG (FLOATING POOL)
DISISIRAN TASIK PRESINT 6, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

1. Sebut harga adalah dipelawa kepada **Kontraktor Tempatan** yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan mempunyai Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), beralamat di **Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor sahaja** di dalam Gred G3: **Kategori CE Pengkhususan CE21 (Pembinaan Kejuruteraan Awam)** dan masih dibenarkan untuk menyertai sebut harga pada masa ini.
2. Taklimat sebut harga adalah **DIWAJIBKAN** dan akan diadakan pada **15 OGOS 2024 (KHAMIS)**, Jam 10.00 Pagi di **Panggung Mawar Sari, Aras 3, Bangunan Annexe 2, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana Presint 3, 62675, Wilayah Persekutuan Putrajaya**. Kehadiran pemilik/pengarah syarikat atau pegawai syarikat yang ditauliahkan dalam SPKK adalah **DIWAJIBKAN**. Sila bawa bersama Sijil PPK, dan SPKK berserta Cap Syarikat.
3. Dokumen sebut harga hanya boleh dibeli bermula **15 OGOS 2024 (KHAMIS)** hingga **20 OGOS 2024 (SELASA)** oleh wakil syarikat yang sah sahaja di **Kaunter Perolehan Perbadanan Putrajaya, Aras 3, Bangunan Annexe, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya**. Bayaran berjumlah **RM50.00** boleh dibuat menggunakan Perbankan Internet.
4. Wakil syarikat juga hendaklah membawa **Surat Wakil Kuasa (Asal)** yang ditandatangani pemilik/pengarah syarikat atau pegawai syarikat yang ditauliahkan dalam SPKK dan **satu (1) Salinan Sijil PPK dan SPKK** bagi urusan pembelian dokumen.
5. Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang dikhaskan di tempat yang ditetapkan seperti di **Perenggan 3**, sebelum jam **12.00 tengah hari pada 23 OGOS 2024 (JUMAAT)**
6. Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut berhubung notis sebut harga ini, sila hubungi Seksyen Pengurusan Perolehan, Jabatan Kewangan, Perbadanan Putrajaya di talian 03-8887 7708 atau e-mel ke alamat spp@ppj.gov.my
7. Kenyataan notis ini turut boleh didapati dalam portal rasmi Perbadanan Putrajaya di alamat <https://www.ppj.gov.my> dan portal MyPROCUREMENT <https://myprocurement.treasury.gov.my> dan portal JPM <https://www.ipm.gov.my/ms/tender-sebutharga>


(**SHAMSUL BAHRIN BIN RAHMAT**)

**NAIB PRESIDEN
Jabatan Perancangan Bandar
Perbadanan Putrajaya**